

# Alumni UniMAP Di Indonesia Diseru Terus Promosi Universiti

Alumni Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Jakarta Indonesia perlu meneruskan usaha mempromosikan universiti tersebut kepada masyarakat setempat di Indonesia meskipun kini telah menamatkan pengajian masing-masing.

Raja Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP Tuanku Syed Faizudin Putra Jamalullail bertitah, hubungan alumni dengan pengurusan UniMAP tidak sewajarnya terhenti setelah setiap graduan menamatkan pengajian masing-masing memandangkan UniMAP kini telah semakin berkembang di persada antarabangsa.

Baginda bertitah demikian selepas menyempurnakan Pelancaran Kelab Alumni UniMAP – Chapter Indonesia pada 12 September 2013 lalu di Kota Jakarta, Indonesia. Turut berangkat hadir, Raja Puan Muda Perlis yang juga Pro Canselor UniMAP, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Hadir sama, Kaunselor Kedutaan Besar Malaysia Indonesia, Raja Mohd. Nizam Raja Kamaruzaman; Atase Pendidikan Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia Jakarta, Profesor Madya Dr. Juzhar Jusoh; dan Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin.

